



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KERJA RAYA ISU KEMALANGAN DI TAPAK BINAAN JALAN P2 JKR PIPC, PENGERANG, JOHOR

Kementerian telah menerima laporan berlaku kemalangan jiwa seorang pekerja di bawah Kontrak Pembinaan Jalan P2, Pengerang Johor pada jam 9.45 pagi, 28 Oktober 2018.

Kemalangan berlaku apabila 18 bilangan rasuk konkrit T-Beam berukuran 40m panjang telah terbalik di atas Abutment jambatan. Pemerhatian di tapak mendapati mungkin angkara satu rasuk telah terbalik lalu menyebabkan berlakunya *domino-effect*, justeru itu kesemua 18 rasuk jambatan telah terbalik dan patah lalu jatuh ke bawah jambatan.

Sewaktu kejadian terdapat 2 orang pekerja (termasuk mangsa) sedang menjalankan kerja pengukuran tapak berdekatan dengan Abutment jambatan tersebut. Mangsa merupakan pekerja binaan, Aynul Hoque, No. Passport: BA0355511 berasal dari Bangladesh. Mangsa meninggal dunia di tempat kejadian akibat dihempap runtuh rasuk jambatan.

Pasukan Bomba Dan Penyelamat dari Bandar Penawar, Kota Tinggi telah dikejarkan ke tempat kejadian dan tiba sekitar jam 10.30 pagi. Mangsa berjaya dikeluarkan pada jam 10.50 pagi dan telah dibawa oleh pihak polis ke Balai Polis Sungai Rengit untuk siasatan lanjut.

Kementerian telah memaklumkan kejadian kemalangan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan mereka akan membuat siasatan terperinci mengenai perkara ini. Tapak kejadian telah di ditutup buat sementara waktu daripada kerja-kerja pembinaan dan tidak dibenarkan orang luar untuk memasuki kawasan kemalangan demi keselamatan semua.

1/2

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Kementerian setakat ini ingin memberi kenyataan bahawa punca sebenar kemalangan masih belum diketahui kerana siasatan masih belum sempurna. Kementerian akan menyerahkan siasatan kepada pihak DOSH yang akan menyiasat jika terdapat sebarang kecuaiian di pihak Kontraktor sehingga berlakunya kemalangan tersebut yang menyebabkan kematian kepada seorang pekerja binaan Kontraktor.

Kementerian akan mengeluarkan kenyataan rasmi setelah pihak DOSH selesai menjalankan siasatan dan memaklumkan kepada Kementerian punca kemalangan tersebut.

Kementerian sentiasa peka dan memastikan bahawa kerja-kerja pembinaan di tapak sentiasa dijalankan dengan pengawasan yang rapi mengikut standard dan spesifikasi yang telah ditetapkan untuk menjamin keselamatan kesemua pekerja di tapak bina.

-Tamat-

**Menteri Kerja Raya**

**Tuan Baru Bian**

**28 Oktober 2018**

2/2

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my